

SOALAN NO.: 114

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak memilih untuk menetapkan harga getah sekrap (*Rubber Cup Lump*) pada harga lantai yang dituntut oleh kebanyakkhan penoreh iaitu pada harga RM3.50 hingga RM 4.00 sekilogram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat mempertimbangkan cadangan mewujudkan harga lantai bagi harga getah sekerap. Cadangan penetapan harga lantai getah sekerap pada kadar RM3.50 hingga RM4.00 sekilogram adalah jauh lebih tinggi berbanding harga pasaran purata semasa getah sekerap diantara RM2.28 sehingga RM2.30 sekilogram.

Selain itu, penetapan harga lantai akan menimbulkan implikasi-implikasi berikut:

- i. Memerlukan sumber kewangan yang tinggi bagi menyokongnya sekiranya harga getah asli dunia mengalami tren penurunan yang mendadak;
- ii. Ia menyediakan ruang kepada aktiviti spekulasi harga di mana para pedagang getah akan menekan harga ke paras rendah dengan mengambil kira bahawa Kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai; dan
- iii. Ia menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara terutamanya di kawasan-kawasan sempadan memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan negara asal.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi membantu pekebun kecil dalam keadaan ketidakstabilan harga getah, Kerajaan telahpun melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015. IPG menyediakan insentif dalam bentuk perbezaan harga pasaran dengan Paras Harga Pengaktifan (PHP). Buat masa ini, PHP IPG bagi SMR20 ialah RM5.50 sekilogram dan bagi getah *cuplumps* RM2.20 sekilogram.

IPG merupakan mekanisme terbaik kerana ia bersifat serampang dua mata, iaitu meringankan beban akibat pengurangan pendapatan pekebun kecil di seluruh negara kesan dari kejatuhan harga getah, di samping memberi galakan kepada golongan pekebun kecil untuk terus menoreh sewaktu harga getah berada di paras yang rendah di pasaran.

Sekian, terima kasih.